Highlands kecuali kawasan perindustrian yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri), dan Daerah Mersing di Negeri Johor.

Dibuat pada 31hb Oktober 1994.
[T & I (ID) 0.13/C/M/10/2 Jld. 16; PN. (PU²) 451/III.]

RAFIDAH AZIZ,
*Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri*

## PROMOTION OF INVESTMENTS ACT 1986

### PROMOTION OF INVESTMENTS (PROMOTED AREAS) ORDER 1994

*Act 327.*

IN exercise of the powers conferred by section 4C of the Promotion of Investments Act 1986, the Minister makes the following order:

Citation and commencement.

1. This order may be cited as the **Promotion of Investments (Promoted Areas) Order 1994** and shall be deemed to have come into force on the 29th October 1993.

Promoted areas.

2. (1) The Eastern Corridor of Peninsular Malaysia and the States of Sabah and Sarawak are determined to be promoted areas.

(2) For the purposes of this Order, "Eastern Corridor of Peninsular Malaysia" means the States of Kelantan, Terengganu, Pahang (not including the Districts of Lipis, Raub, Jerantut and Cameron Highlands except for the industrial areas approved by the State Government), and the District of Mersing in the State of Johore.

Made the 31st October 1994.
[T & I (ID) 0.13/C/M/10/2 Jld. 16; PN. (PU²) 451/III.]

RAFIDAH AZIZ,
*Minister of International Trade and Industry*

**P.U. (A) 483.**

## AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

### PERINTAH UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (KAMPUS) 1994

*Akta 30.*

PADA menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen 12 Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Yang di-Pertuan Agong membuat perintah yang berikut:

✓

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Universiti Malaysia Sabah (Kampus) 1994.** Nama.

2. Apabila Perintah ini mula berkuatkuasa— Kampus dan harta.

(*a*) maka adalah dengan ini ditubuhkan suatu Kampus bagi Universiti Malaysia Sabah;

(*b*) nama dan gelaran Kampus itu ialah "Kampus Universiti Malaysia Sabah";

(*c*) tapak Kampus itu adalah bertempat di CL 015385618, Teluk Sepanggar, Daerah Kota Kinabalu, dalam Negeri Sabah; dan

(*d*) Sekolah Sastera, Sekolah Sastera Ikhtisas, Sekolah Sains Gunaan dan Teknologi dan Sekolah lain sebagaimana yang perlu hendaklah bertempat di Kampus itu.

Dibuat pada 30hb Oktober 1994.
[KP. R (PT) 7102/A; PN. (PU²) 75-T.]

Dengan Perintah,

DATO' SRI ANWAR IBRAHIM,
*Menteri Kewangan*

UNIVERSITIES AND UNIVERSITY COLLEGES ACT 1971

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (CAMPUS) ORDER 1994

IN exercise of the powers conferred upon him by section 12 of the Universities and University Colleges Act 1971, the Yang di-Pertuan Agong makes the following order: *Act 30.*

1. This order may be cited as the **Universiti Malaysia Sabah (Campus) Order 1994.** Citation.

2.. Upon the coming into force of this Order— Campus and property.

(*a*) there is hereby established a Campus of the Universiti Malaysia Sabah;

(*b*) the name and style of the Campus shall be "Universiti Malaysia Sabah Campus";

(*c*) the site of the Campus shall be located at CL 015385618, Teluk Sepanggar, District of Kota Kinabalu, in the State of Sabah; and

(*d*) the School of Arts, the School of Professional Arts, the School of Applied Science and Technology and other Schools as are necessary shall be located at the Campus.

Made the 30th October 1994.
[KP. R (PT) 7102/A; PN. (PU²) 75-T.]

By Command,

DATO' SRI ANWAR IBRAHIM,
*Minister of Finance*

**P.U. (A) 484.**

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERINTAH UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (PERBADANAN) 1994

*Akta 30.* BAHAWASANYA seksyen 6 Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 memperuntukkan bahawa jika Yang di-Pertuan Agong puas hati bahawa adalah suaimanfaat demi kepentingan negara supaya suatu Universiti ditubuhkan, dia boleh dengan perintah menubuhkan Universiti itu mengikut subseksyen (1) seksyen tersebut:

DAN BAHAWASANYA Yang di-Pertuan Agong adalah berpuas hati bahawa suatu Universiti patut ditubuhkan;

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh subseksyen 6(1) Akta itu, Yang di-Pertuan Agong dengan ini membuat perintah yang berikut:

Nama. 1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Universiti Malaysia Sabah (Perbadanan) 1994.**

Perbadanan. 2. (1) Maka hendaklah ditubuhkan suatu yayasan pelajaran tinggi yang mempunyai taraf Universiti sebagai suatu pertubuhan perbadanan bagi maksud mengadakan, memajukan dan mengembangkan pelajaran tinggi dalam bidang Sastera, Sastera Ikhtisas, Sains Gunaan dan Teknologi dan bidang lain yang perlu serta juga mengadakan penyelidikan dan pengumpulan dan pemajuan pengetahuan dan penyebaran pengetahuan itu dalam bidang pengajian yang disebut terdahulu;

(2) Yayasan pelajaran tinggi yang disebut terdahulu itu hendaklah dikenali dengan nama dan gelaran "Universiti Malaysia Sabah"; dan

(3) Tapak Universiti Malaysia Sabah (di mana Universiti itu akan didirikan) adalah bertempat di CL 015385618, Teluk Sepanggar, Daerah Kota Kinabalu, dalam Negeri Sabah.

Dibuat pada 30hb Oktober 1994.
[KP. R(PT) 7102/A; PN. (PU²) 75-T.]

Dengan Perintah,

DATO' SRI ANWAR IBRAHIM,
*Menteri Kewangan*

*(Akan dibentangkan dalam kedua-dua Majlis Parlimen menurut subseksyen 6(2) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971.)*

## UNIVERSITIES AND UNIVERSITY COLLEGES ACT 1971

### UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (INCORPORATION) ORDER 1994

WHEREAS section 6 of the Universities and University Colleges Act 1971 provides that the Yang di-Pertuan Agong, may, if he is satisfied that it is expedient to the national interest that a University should be established, by order establish the University in accordance with subsection (1) of that section: *Act 30.*

AND WHEREAS the Yang di-Pertuan Agong is satisfied that a University should be established;

NOW THEREFORE by virtue of the powers conferred upon him by subsection 6(1) of the Act, the Yang di-Pertuan Agong makes the following order:

1. This order may be cited as the **Universiti Malaysia Sabah (Incorporation) Order 1994**. Citation.

2. (1) There shall be a higher educational institution having the status of a University, which shall be a body corporate, for the purpose of providing, promoting and developing, higher education in the fields of Arts, Professional Arts, Applied Science and Technology and other fields necessary as well as to provide for research and the accumulation and advancement of knowledge and the dissemination of such knowledge in the aforesaid fields of study; Incorporation.

(2) The aforesaid higher educational institution shall be known by the name and style "Universiti Malaysia Sabah"; and

(3) The site of Universiti Malaysia Sabah (which shall be the seat of the University) shall be located at CL 015385618, Teluk Sepanggar, District of Kota Kinabalu, in the State of Sabah.

Made the 30th October 1994.
[KP. R (PT) 7102/A; PN. (PU²) 75-T.]

By Command,

DATO' SRI ANWAR IBRAHIM,
*Minister of Finance*

*(To be laid before both Houses of Parliament pursuant to subsection 6(2) of the Universities and University Colleges Act 1971.)*

P.U. (A) 485.

AKTA KERJA 1955

PERINTAH KERJA (PENGECUALIAN) (NO. 2) 1994

*Akta 265.* PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 2B Akta Kerja 1955, Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama. 1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Kerja (Pengecualian) (No. 2) 1994.**

Pemakaian dan mula berkuatkuasa. 2. Perintah ini hendaklah terpakai hanya bagi pekerja-pekerja majikan yang dinamakan dalam ruang (1) Jadual yang tempat kerja mereka dinyatakan dalam ruang (2) mulai dari tarikh yang ditunjukkan dalam ruang (3).

Pengecualian dan syarat. 3. Majikan tersebut adalah dikecualikan daripada subseksyen 59(1) dan (1A) Akta tertakluk kepada syarat bahawa majikan hendaklah memberi kepada tiap-tiap pekerja dalam setiap minggu, suatu hari rehat selama satu hari penuh sebagaimana yang ditentukan dari semasa ke semasa oleh majikan, tetapi hari rehat itu boleh, dengan persetujuan pekerja itu secara bertulis, diambil sekaligus untuk empat hari berturut-turut pada mana-mana hari lain dalam bulan kalendar dalam mana hari rehat tersebut jatuh. Persetujuan itu hendaklah diperolehi pada permulaan setiap tahun atau pada permulaan pekerjaan pekerja itu:

Dengan syarat bahawa perenggan ini tidaklah terpakai selama tempoh pekerja itu cuti bersalin atau cuti sakit sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 37 dan 60F Akta masing-masingnya, atau selama tempoh hilang upaya sementara di bawah Akta Pampasan Pekerja 1952 atau di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969.

*Akta 273.* *Akta 4.*